



# Di mana sempadan RASUAH dan HADIAH?



*Abu Hurairah r.a. Baginda s.a.w. dengan jelas menyatakan "Janganlah kalian bertajassus, jangan saling bersaing, jangan saling dengki-mendengki, jangan saling membenci, jangan saling bermusuhan, dan jadilah kalian hamba-hamba Allah yang bersaudara." (HR Bukhari & Muslim)*

Oleh: MOHD. AZRIN WAHID

Keliru! Rasuah atau hadiah? Situasi itu menyebabkan wujudnya dua aliran kumpulan yang berbeza dari sudut pandangan dan kepercayaan. Lebih membarah lagi, berlaku perselisihan dan sikap permusuhan sesama umat Islam yang sudah pastinya menguntungkan pihak lain.

Bahkan dalam surah al-Hujurat ayat 10 juga Allah s.w.t. telah mengingatkan hamba-Nya agar berusaha menjaga silaturahmi. Mafhum-Nya, "Sesungguhnya hanya kaum Muslimin yang bersaudara. Kerana itu berusaha memperbaiki hubungan antara kedua-dua saudara kalian."

Tidak dinafikan setiap orang mempunyai pandangan dan pendapat yang berbeza dalam menilai sesuatu isu. Walaupun undang-undang mengesahkan wang yang diterima merupakan derma hasil daripada siasatan namun kenyataan itu tidak dipersetujui oleh banyak pihak.

Manakala pandangan dari salah seorang tokoh agama pula berbeza. Menurutnya wang derma yang diper-

oleh itu adalah salah satu bentuk rasuah jika dihulurkan atas kapasiti kedudukan sebuah negara atau organisasi.

"Jika ada kaitan yang akan mempengaruhi tindakannya atau akan mengganggu keadilan atau amanahnya, itu rasuah. Kesannya sama ada secara tidak langsung. Walau bagaimanapun jika pemberian itu bukan kerana kedudukan atau untuk penyalahgunaan kuasa maka ia dinamakan hadiah."

Sukar menentukan sama ada wang tersebut adalah rasuah atau tidak. Ia menjadi pokok perdebatan hangat yang timbul antara kem A dan kem B. Masing-masing jitu mempertahankan pandangan dan pendapat kerana kedua-duanya mempunyai hujah tersendiri.

Walaupun bagaimanapun memetik pandangan dari Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Ab. Majid, Pensyarah Jabatan Fiqh, dari Universiti Islam Antarabangsa (UIAM), perkara yang melibatkan pemberian sama ada hadiah, derma, atau apa sahaja, ia perlu dilihat dari

dua perspektif yang berbeza walaupun perbuatannya sama. Jika dilihat daripada perspektif undang-undang, ia boleh jadi rasuah. Namun jika seorang tafsirawan melihat daripada perspektif budaya pula, ia bukanlah rasuah tetapi hadiah.

Dalam masa yang sama ujarnya, hadiah dan rasuah perlu ada garis sempadan yang perlu jelas pada kita. Jika terlalu ekstremis pada undang-undang, ia akan dikatakan, "Apa saja berbentuk hadiah kecuali berasaskan kasih sayang keluarga, itu adalah rasuah."

Sebaliknya jika ia ekstremis ke arah budaya pula maka akan dikata, "Apa sahaja bentuk hadiah itu bukan rasuah. Ini kerana hadiah berasaskan kepada kasih sayang. Ketua kasih kepada anak buah, dan anak buah kasih pada ketua maka diberilah hadiah."

Orang yang ekstremis dalam menafsir kalau beri dengan tujuan dan maksud tertentu, itu adalah rasuah. Tapi bagi seorang budayawan yang melihat daripada budaya hidup bermasyarakat, pemberian atau layanan yang baik terhadap seseorang itu adalah sifat mulia yang dituntut dalam Islam.


Jadi garis sempadan itu sangat luas yang mana terdedah kepada pelbagai interpretasi. Dan, di dalam memberi interpretasi itu pula adanya perbezaan pendapat yang sangat luas. Oleh itu, seseorang yang mahu menentukan sikap dirinya sama ada rasuah atau

tidak, akan terjebak dengan keadaan ini. Ia ingin mengikut tafsiran siapa, atau ia hendak tafsirkan secara konservatif atau liberal?

Justeru itu, kita lihat bagi seseorang yang sudah mempunyai gaji kemudian menerima hadiah. Adakah itu rasuah? Persoalan itu hanya boleh ditentukan oleh mereka yang terlibat sahaja. Jika ia seorang sufi yang diketahui mempunyai ilmu dan amal yang hebat, dikatakan itu rasuah. Tetapi jika ia hanya seorang biasa yang tidak ketahuan amal dan ilmunya, tidak wajar ia memberi hukuman sebegitu.

"Sama ada anda seorang ahli perundangan, budayawan, ahli politik, ahli perniagaan atau siapa sahaja, pandangan tersebut semuanya berbeza perspektif. Ia dilihat kepada kepentingan masing-masing. Dan kerana itu saya tidak mempunyai wibawa untuk menyatakan secara hitam putih yang derma dan hadiah itu adalah rasuah, kerana hanya bersandarkan pada tafsiran semata-mata.

"Interpretasi rasuah tertakluk kepada dari sudut mana ia dilihat. Dari sudut perundangan atau budaya. Merujuk pada perundangan, jika SPRM kata itu rasuah, maka rasuhalah ia. Tetapi jika dikatakan bukan rasuah dan ia jujur dalam kenyataannya maka kita juga harus akur," ulas Dr. Mahmood Zuhdi.



Dr. Mahmood Zuhdi

## Situasi sama pandangan berbeza

Dalam satu situasi yang sama, nilai pandangan boleh jadi berbeza. Analogi yang mudah seseorang yang ditahan kerana membawa dadah, sedang ia tidak tahu yang dibawa itu dadah. Dari sudut perundangan ia tetap salah dan dijatuhi hukuman. Sedangkan daripada aspek moral pula ia tidak salah kerana tidak mengetahui barang yang dibawa itu adalah dadah. Begitulah juga sebaliknya.

"Kerana itu, perkara yang melibatkan garis sempadan ini boleh dieksploitasi oleh sesiapa sahaja untuk menyatakan orang itu betul atau salah. Bahkan kita juga boleh eksploitasi ia untuk mengatakan kita betul. Dalam hidup ini sebenarnya terdapat garis sempadan yang terlalu banyak untuk dinilai.

"Bagi seorang ahli perniagaan, pemberian tip kepada seseorang sudah menjadi budaya sekalipun yang menerima tip mempunyai gajinya sendiri. Katalah seorang pengangkat beg di hotel yang diberi tip. Ada yang kata itu adalah hadiah, atau upah. Dan ada juga yang kata itu adalah dorongan agar dia membantu kita.

"Sekiranya kita minta dia buat sesuatu, dia tidak akan buat. Namun jika kita memberikan tip yang lebih sedikit, sudah pasti dia akan buat kerja dengan lebih lagi. Jadi adakah ini satu rasuah?" Dr. Mahmood Zuhdi persoalan itu tanpa jawapan.

Berbalik kepada persoalan yang dibincangkan, budaya politik dalam negara kita, dalam budaya perniagaan, tip, hadiah, dan hamper, walaupun dari segi undang-undang ia adalah rasuah, namun hal ini telah menjadi satu budaya dalam masyarakat, dan tiada siapa mempertikaikannya hatta dia seorang tok guru sekalipun.

Dalam hal itu, Dr. Mahmood Zuhdi membawakan kisah Abu Hanifah seorang ulama besar berkata, "Hadiah kerajaan adalah rasuah," kenyataan beliau berpaksikan pada kedudukan-



*Crime - Corruption  
134: 36-39 CR1 2015/1001*



nya yang mempunyai ilmu dan amal yang cukup tinggi. Walau bagaimanapun beliau tidak membuang segala hadiah pemberian kerajaan, malahan disimpannya.

Ketika anaknya jatuh sakit, beliau menyuruh anaknya berjumpa tabib, namun anaknya menyatakan ia tidak mempunyai wang. Maka Abu Hanifah menyuruh anaknya menggunakan hadiah atau wang kerajaan yang disimpannya untuk diguna merawat penyakit.

Tindakan Abu Hanifah itu mengundang rasa pelik anaknya lalu ditanya, "Wahai ayahanda, ayah sendiri tidak mahu menggunakan duit ini, jadi mengapa ayah menyuruh saya membelanjakannya?"

Jawab Abu Hanifah, "Aku lain dan engkau lain."

Kisah ini secara tidak langsung memberi makna yang cukup besar bahawa jika seseorang yang ingin hidup seperti ahli tasawuf, zuhud, punyai jiwa yang besar serta warak daripada segala syubhah, ia tidak akan guna wang pemberian dari kerajaan. Bagi dirinya itu adalah rasuah. Dia tidak akan melewatkan solat walau seminit kerana iman dan amal ibadahnya yang kuat, maka dia berhak mengatakan ini

adalah rasuah dan bukan hadiah.

Walaupun bagaimanapun berbeza dengan Imam as-Syafi'i. Beliau pernah menjawat jawatan kerani di bawah kerajaan yang memerintah di Yemen, kerana pada ketika itu beliau tidak mempunyai wang untuk belajarnya. Abu Hanifah anak orang kaya sedangkan Imam Syafi'i pula anak orang miskin.

Jelas Dr. Mahmood Zuhdi, kedua-dua ulama tersohor ini mempunyai persepsi yang berbeza tentang dana dan wang yang dimiliki oleh kerajaan yang tidak berapa betul ketika itu. Maknanya sikap peribadi dan pandangan mereka berbeza terhadap sesuatu.

Seperti Abu Hanifah, beliau tidak mempertikaikan orang yang makan gaji dengan kerajaan, akan tetapi tidak bagi dirinya. Begitu juga dengan Ahmad bin Hambal yang juga tidak pernah mempertikaikan orang yang hendak terima hadiah dari kerajaan.

Begitu juga halnya dengan dana politik. Ia sudah menjadi perkara biasa dan menjadi budaya yang diterima dalam arena politik bagi mana-mana pertubuhan politik termasuklah yang duk menuduh dana yang diterima kerajaan adalah rasuah. Mereka yang menuduh ini juga menerima dana. Jika

tiada dana mana mungkin seseorang parti politik dapat bergerak merencana sebarang aktiviti.

Lalu tuntas Mahmood Zuhdi, timbul persoalan adakah dana politik itu rasuah atau tidak? Setiap parti politik dalam negara kita menerima dana dari individu atau sesebuah organisasi. Tujuannya, tidak lain mengharapkan apabila menang nanti adalah kemudahan yang akan diterima. Inilah satu bentuk rasuah yang telah dibudayakan dalam sektor tertentu.

Serupa juga dengan pemberian tip, meletakkan dana dalam akaun individu serta banyak lagi unsur syubhah yang telah dibudayakan oleh masyarakat kita tanpa kita sedari. Maka sesiapa yang berani melibatkan diri dalam syubhah ia kemungkinan besar bersisiko tergelincir melakukan kesalahan.

Perumpamaannya mudah. Sekiranya kita naik bas itu tidak salah tetapi kadang-kadang kita duduk di sebelah perempuan yang bukan mahram. Perbuatan itu salah tetapi kesalahan itu sudah jadi kesalahan yang biasa dan diterima umum dalam budaya. Ia tidak sama macam arak yang jelas hukumnya, siapa yang minum arak sedikit atau banyak, budaya atau tidak, ia tetap dihukumkan haram. **A**